



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

DINAMIKA MALAYSIA
(UHMS1172-18)

TUGASAN INDIVIDU

**PENERIMAAN DAN PENYEBARAN MAKLUMAT DI
MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN MAHASISWA DI
MALAYSIA**

| NAMA | NO. MATRIK |
|---------------------------|------------|
| AHMAD ZULHAKIM BIN ZAINAL | A19EC0179 |

NAMA PENSYARAH : PUAN HALIMAH BT. MA'ALIP

KANDUNGAN

| | |
|--|----|
| PENGENALAN | 2 |
| PERSOALAN KAJIAN | 3 |
| KAEDAH KAJIAN | 4 |
| DAPATAN KAJIAN | 5 |
| MAHASISWA DAN PENYEBARAN MAKLUMAT DI MEDIA SOSIAL..... | 10 |
| KESIMPULAN | 12 |
| RUJUKAN | 13 |

PENGENALAN

Berdasarkan Laporan Digital 2018 yang dikeluarkan Hootsuit dan We Are Social, berlaku peningkatan pada jumlah pengguna Internet di negara ini iaitu sebanyak 25.08 juta pengguna, mewakili 79 peratus penduduk Malaysia. Daripada peratusan tersebut, sebanyak 75 peratus pengguna menggunakan media sosial secara purata tiga jam sehari. Ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan Internet di kalangan masyarakat Malaysia saban hari, kian meningkat.

Tambahan pula dengan lambakan platform media sosial yang sentiasa dikemaskini menepati aliran terkini, seperti Facebook, Instagram, Twitter, dan Youtube turut menyumbang kepada angka ini. Di samping itu, sosial media yang bertindak sebagai medium penyebaran maklumat menjadi sangat efektif dengan jaringan yang luas sebegini. Maklumat ini boleh datang dengan pelbagai bentuk sama ada video, pesanan, penulisan, mahupun forum.

Namun, perkara ini menjadi kebimbangan kerana kebanyakan maklumat yang dikongsikan tidak disaring oleh syarikat perkhidmatan. Berita palsu, pesanan berbentuk ancaman, keganasan, provokasi, ajaran sesat dan seumpamanya tersebar dengan meluas tanpa kawalan yang menyeluruh.

Tambahan pula, masyarakat kini gemar menjadikan Internet sebagai rujukan untuk pelbagai perkara, dan sebahagian daripada mereka tidak langsung memeriksa latar belakang sumber tersebut. Sebagai buktinya, laman sesawang Sebenarnya.my telah menyiarkan 11 artikel bagi menjelaskan isu dan berita palsu yang telah ditularkan di Internet daripada awal tahun sehingga 23 September 2019.

Maka, ini menjadi kerisauan kepada warga Internet yang berkemungkinan mempercayai dan terpengaruh dengan maklumat yang disebarkan terutama sekali golongan muda yang bakal menerajui kehidupan kita pada masa hadapan.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti kesedaran mahasiswa dan mahasiswi terhadap isu penerimaan dan penyebaran maklumat di media sosial. Berikut adalah persoalan-persoalan yang timbul dalam menjalankan kajian ini:

1. Apakah reaksi mahasiswa/mahasiswi sebagai pengguna media sosial terhadap sesuatu maklumat yang diterima?
2. Bagaimanakah mahasiswa memastikan kesahihan sesuatu maklumat yang diterima?
3. Sejauh manakah penerimaan maklumat-maklumat ini sebagai sumber rujukan dalam pelbagai skop kepada mahasiswa?
4. Adakah mahasiswa dapat membezakan antara sesuatu maklumat yang benar tanpa sebarang rujukan yang lain?


KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan melalui soal selidik secara atas talian kepada 40 mahasiswa/mahasiswi yang menuntut di universiti atau mana-mana institut pengajian tinggi (IPT) di serata Malaysia. Responden dipilih daripada kalangan penuntut IPT kerana berdasarkan statistik yang dikeluarkan pada tahun 2018 oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, masyarakat yang berumur dalam lingkungan 20 ke 30 tahun mewakili 30 peratus pengguna Internet di negara ini. Hal ini dapat memperoleh dapatan yang lebih relevan. Soal selidik ini terdiri daripada 6 soalan.

DAPATAN KAJIAN

Jantina

40 responses




Rajah 1: Graf yang menunjukkan peratusan responden berdasarkan jantina

Berdasarkan soal selidik yang dijalankan secara atas talian kepada mahasiswa-mahasiswa yang menuntut di Malaysia, bilangan responden lelaki ialah 21 orang manakala wanita ialah 19 orang.

Umur

40 responses




Rajah 2: Graf umur responden yang keseluruhannya dalam lingkungan 18 ke 25 tahun

Daripada 40 responden itu, mereka semua berumur dalam lingkungan 18 ke 25 tahun. Responden yang mencatatkan angka yang paling tinggi berdasarkan umur ialah 19 tahun iaitu sebanyak 29 orang (72.5%), seterusnya 20 tahun iaitu sebanyak 5 orang (12.5%), 20 dan 21 tahun masing-masing mencatatkan angka yang sama iaitu 2 orang (5%), dan begitu juga 18 dan 25 tahun masing-masing mencatatkan angka yang sama iaitu 1 orang (2.5%).

Bangsa

40 responses




Rajah 3: Graf ini menunjukkan responden terdiri daripada pelbagai kaum

Bilangan responden mengikut kaum ialah Melayu iaitu 29 orang (72.5%), Cina 4 orang (10%), India 2 orang (5%), Bumiputera 3 orang (7.5%), dan lain-lain adalah 2 orang (5%).

Peringkat pengajian

40 responses




Rajah 4: Peringkat pengajian yang sedang diambil oleh responden

Selepas itu, 30% daripada responden sedang mengambil Diploma, manakala bakinya ada prasiswazah (70%).

Pilih media sosial yang anda gunakan

40 responses




Rajah 5: Aplikasi-aplikasi media sosial yang digunakan oleh responden

Bagi aplikasi media sosial yang digunakan mahasiswa, hampir kesemua daripada 40 responden menggunakan Whatsapp (95%), Youtube (82.5%), Instagram (80%), Twitter (62.5%), Facebook (55%), WeChat (17.5%), Telegram (5%), dan Snapchat, Reddit dan Discord masing-masing 2.5%.

Adakah anda mengkaji terlebih dahulu sesuatu maklumat sebelum menerimanya?

40 responses




Rajah 6: Carta ini menunjukkan tindakan yang diambil oleh responden apabila menerima sesuatu maklumat

Apabila ditanyakan kepada responden, adakah mereka akan mengkaji terlebih dahulu sesuatu maklumat sebelum menerimanya daripada media sosial, 65% menjawab 'Ya', 27.5% berkata 'Mungkin', dan 7.5% mengatakan 'Tidak'.

Jika 'Ya' atau 'Mungkin', bagaimana anda mengesahkan maklumat tersebut?

37 responses




Rajah 7: Cara responden mengesahkan sesuatu maklumat

Bagi yang mengatakan 'Ya' dan 'Mungkin', rata-rata mereka akan melakukan carian di Google (78.4%), pakar atau ahlinya (3.8%), sahabat atau kenalan (70.3%), dan laman sesawang yang sah bagi mengesahkan maklumat yang diperolehi.

Adakah anda berkongsi maklumat tersebut kepada orang lain?

40 responses




Rajah 8: Carta yang menunjukkan kecenderungan responden untuk berkongsi maklumat di media sosial

Seterusnya, 50% daripada responden berkemungkinan akan berkongsi maklumat tersebut kepada orang lain, manakala 30% akan berkongsi, dan 20% tidak akan berkongsi.

Anda menjadikan media sosial sebagai rujukan untuk..

40 responses




Rajah 9: Carta ini menunjukkan penggunaan rujukan yang diperolehi daripada media sosial

Di samping itu, didapati bahawa 87.5% daripada responden menggunakan media sosial sebagai rujukan untuk mengetahui khabar dan berita, menambah pengetahuan am (85%), bahan akademik (72.5%), resipi makanan/DIY dan seumpamanya (67.5%), dan menambah pengetahuan agama (60%).

Nyatakan kerelevanan media sosial sebagai sumber RUJUKAN (1=Tidak Setuju, 2=Kurang setuju, 3= Mungkin, 4=Setuju, 5=Sangat Setuju)

40 responses



Rajah 10: Carta yang menunjukkan kerelevanan media sosial sebagai bahan rujukan bagi responden

Selain itu, sebanyak 22.5% responden sangat setuju akan kerelevanan media sosial sebagai sumber rujukan, 37.5% hanya setuju, 27.5% mungkin, 7.5% kurang bersetuju, dan 5% tidak bersetuju.

MAHASISWA DAN PENYEBARAN MAKLUMAT DI MEDIA SOSIAL

Berdasarkan dapatan daripada soal selidik yang dilakukan, sedikit sebanyak kita dapat menjawab persoalan-persoalan dalam isu ini. Kebanyakan responden tidak terus menerima sesuatu maklumat yang dikongsikan oleh pengguna lain di media sosial tanpa sebarang unsur periksa. Hal ini mungkin disebabkan oleh kesedaran para responden terhadap isu penyebaran berita palsu, penerbitan sesuatu penulisan tanpa sumber yang sahih, dan penulisan yang bermotif tidak baik. Tambahan pula, inisiatif yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu dalam memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap isu ini seperti penubuhan laman sesawang sebenarnya.com yang dibangunkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk memberi pengguna Internet menyemak kesahihan maklumat.

Seterusnya, rata-rata mahasiswa melakukan carian di Google bagi memeriksa kesahihan sesuatu maklumat. Hal ini mendatangkan kebimbangan sekiranya mahasiswa merujuk kepada sumber yang tidak tepat atau diragui kebenarannya. Di Internet, setiap satu maklumat yang terdapat di dalamnya merupakan nukilan seseorang. Sesiapa sahaja dapat melakukan penulisan dalam apa-apa bidang meskipun sesuatu bidang itu bukan kepakarannya. Walaupun sesuatu penulisan itu kelihatan benar; penuh dengan fakta-fakta dan kata-kata yang berhemah, penulis juga tidak mustahil melakukan kesilapan dalam penulisannya tanpa disedari.

Kaedah yang terbaik bagi memastikan kesahihan sesuatu maklumat adalah dengan merujuk terus kepada pakar atau ahlinya. Berdasarkan pengetahuan dan pengalaman, mereka dapat memberikan penjelasan yang terbaik dan jika masih terdapat sebarang kemusykilan, boleh terus merujuk kepada mereka. Perkara sebegini mungkin sukar untuk dilakukan pada masa dahulu kerana terdapat limitasi pada komunikasi, namun kini dengan perkembangan yang pesat dalam teknologi telekomunikasi seperti Internet, proses ini menjadi semakin mudah. Sebagai contoh, seseorang itu boleh menggunakan aplikasi seperti Skype atau Google Hangout untuk melakukan panggilan melalui video.

Cara yang lebih mudah adalah untuk merujuk kepada laman sesawang yang diiktiraf oleh badan-badan yang berkepercayaan. Sebagai contoh, kita boleh merujuk kepada portal rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia dalam hal-hal yang berkait dengan bidang perubatan,

kesihatan, dan maklumat-maklumat yang berkaitan. Dengan ini, kita dapat memastikan setiap maklumat yang kita miliki mempunyai rujukan yang tepat lagi kukuh.

Selain itu, tidak dinafikan bahawa penggunaan media sosial sebagai medium pengajaran dan pembelajaran memberi manfaat kepada pelajar. Berdasarkan jurnal (Fatin Fatinah Manap & Aidah Abdul Karim, 2017) terdapat berbagai aplikasi media sosial yang dapat diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar di institut pengajian tinggi. Namun begitu, pengarang kurang bersetuju sekiranya perkara sistem ini diterapkan sepenuhnya dalam sistem pengajian terutama sekali dalam bidang agama. Hal ini kerana terdapat kaedah yang tertentu dalam menuntut ilmu agama. Ia mestilah diperolehi melalui cara bertalaqqi; belajar secara berguru, dengan guru yang belajar dengan gurunya, dan bersambung rantaianya sehinggalah ke junjungan Nabi kita, Nabi Muhammad. Perkara ini penting bagi mengekalkan keaslian ilmu agama yang diajar oleh baginda. Jika tanpa rangkaian ini; juga dikenali sebagai sanad, maka sesiapa sahaja bebas dalam mengatakan apa-apa sahaja berkaitan agama. Ini akan memberi mudarat yang besar kepada agama.

Terdapat satu adat pada masa kini yang di mana masyarakat hanya berpandukan kepada maklumat di Internet termasuklah media sosial dalam perkara ini yang belum tentu kebenarannya, tanpa merujuk dan belajar dari ahlinya secara berdepan. Perkara ini mesti dielakkan kerana ia membuka ruang kepada puak-puak sesat untuk menyebarkan fahaman mereka. Sudah terpampang luas di dada akhbar kesannya iaitu terdapat banyak kumpulan ekstremis dan penganas yang lahir pada zaman kini, dek terpengaruh dengan fahaman-fahaman dan ideologi-ideologi yang sesat yang tersebar di Internet yang tidak dibendung. Oleh itu, penggunaan media sosial sebagai medium penyampaian maklumat haruslah dipantau dengan sebaik mungkin untuk mengelakkan implikasi yang tidak diingini daripada berlaku.

Tambahan pula, kesan daripada kegagalan pengguna media sosial dalam mentafsir satu maklumat dengan betul akan mendatangkan kesan yang lebih buruk sekiranya pengguna mudah berkongsi maklumat tanpa unsur periksa. Capaian kepada Internet hampir di serata tempat serta kecanggihan telefon pintar membolehkan pengguna mengakses media sosial bila-bila masa sahaja. Oleh disebabkan itu, maklumat-maklumat kini lebih mudah tersebar dan tular berbanding zaman kemunculan media sosial.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kesedaran mahasiswa dan mahasiswi dalam isu penerimaan dan penyebaran maklumat di media sosial harus dipertingkatkan bagi mengelakkan daripada perkara yang akan membawa mudarat kepada diri, masyarakat, dan negara. Pelbagai inisiatif harus dilakukan oleh pihak-pihak seperti kerajaan, universiti, pendidik dan ibu bapa dalam mengurangkan isu ini. Seharusnya isu ini tidak dipandang enteng, apatah lagi oleh rakyat negara kita yang terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum bagi memelihara keharmonian dan keamanan negara. Pengarang berharap kajian yang lebih terperinci dapat dilakukan seperti melakukan pemerhatian di media sosial atau memberikan bahan rangsangan kepada responden.

RUJUKAN

Fatin Fatinah Manap, & Aidah Abdul Karim. (2017). Media Sosial dan Pendidikan Tinggi.

PENGAPLIKASIAN MEDIA SOSIAL SEBAGAI ALTERNATIF PENGAJARAN & PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN PELAJAR PENGAJIAN TINGGI, 2.

Khalil, I. H. (2018, Januari 30). *Astro Awani*. Didapatkan dari Malaysia negara ke-9 paling aktif media sosial, ke-5 paling ramai guna e-dagang - Laporan:

<http://www.astroawani.com/gaya-hidup/malaysia-negara-ke-9-paling-aktif-media-sosial-ke-5-paling-ramai-guna-e-dagang-laporan-166998>

Noordin, A. I. (2019, September 26). *Bernama.com*. Didapatkan dari Berita Palsu Masih

Membelenggui Rakyat Malaysia:

<http://www.bernama.com/bm/news.php?id=1771676>

Persatuan Pengguna Siber Malaysia. (2019, April 1). *Portal Rasmi MCCA*. Didapatkan dari

Statistik Pengguna Internet di Malaysia 2018:

<https://www.cyberconsumer.my/penerbitan/statistik-pengguna-internet-di-malaysia-2018/>